Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi

Keimplisitan Ujaran dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj: Satu Analisis Teori Relevans

Wong Shia Ho

Doktor Falsafah
(Linguistik Terapan)
2016

KEIMPLISITAN UJARAN DALAM UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ: SATU ANALISIS TEORI RELEVANS

WONG SHIA HO

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PENGAJIAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
KOTA SAMARAHAN

2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report	☐
Masters	☐
PhD	☑

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 13 day of APRIL 2016.

Student's Declaration:

I WONG SHIA HO, 11011499, FAKULTI PENGAJIAN BAHASA & PENGAJIAN KOMUNIKASI

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled, KEIMPLISITAN UJARAN DALAM UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ : SATU ANALISIS TEORI RELEVANS is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

13 APRIL 2016
Date submitted

WONG SHIA HO 11011499
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I FATIMAH HAJI SUBET (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled, KEIMPLISITAN UJARAN DALAM UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ : SATU ANALISIS TEORI RELEVANS (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of ---------- (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: _____ Date: 21 APRIL 2016

(Name of supervisor)

Dr Fatimah Haji Subet
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia Sarawak

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

☐ **CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
☐ **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
☑ **OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature _____
(Date) 13 APRIL 2016

Supervisor's signature: _____
(Date) 21 APRIL 2016

Dr Fadhmah bt Hj. Subet
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia [illegible]

Current Address:
83 BORMILL ESTATE, LRG PERMATA 5,
JLN PERMATA, 93150 KUCHING, SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 MAC 2016

WONG SHIA HO
11011499

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Dr. Fatimah Subet** yang merupakan penyelia yang dedikasi dan bertungkus-lumus membantu penulis menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya, tanpa bimbingan dan tunjuk ajar beliau, sudah tentu tesis ini tidak akan dapat dihasilkan.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih untuk **Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia** kerana memberikan kemudahan cuti belajar untuk penulis meneruskan kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Cawangan Sarawak khususnya **Puan Frances Muna Anak Empari,** Pegawai Arkib Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan, Arkib Negara Malaysia kerana banyak membantu saya mendapatkan teks ucapan Tunku Abdul Rahman.

Terima kasih kepada Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak kerana memberikan peluang kepada saya untuk menggunakan segala kemudahan yang ada di situ. Tidak lupa juga kepada **Puan Teresa Chong** yang membantu saya mendapatkan bahan rujukan di luar Sarawak.

Jutaan terima kasih kepada **Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad**, Jabatan komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia kerana sudi menyumbang kepakaran beliau dengan membantu meleraikan kekusutan yang saya hadapi terutamanya berkaitan dengan teks ucapan.

Ribuan terima kasih juga saya rakamkan kepada **Dr**. **Nathesan Sellapan** (Mantan Pensyarah Kanan, Institut Pendidikan Batu Pahat, Johor) kerana sudi menyumbang kepakaran dan pandangan dalam penganalisisan data.

Tidak lupa juga kepada keluarga terutamanya isteri (**Swee King**), anak-anak (**Angie dan Darren**) yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan kepada saya sepanjang penulisan tesis ini.

ABSTRAK

Banyak penulisan dan kajian telah dilakukan terhadap Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia Pertama) oleh penulis atau pengkaji tempatan dan luar negara tetapi kajian tersebut banyak berkisar tentang perjuangan dan sumbangan Tunku sebagai pemimpin negara. Kajian ini pula berusaha meneliti Tunku dari perspektif bahasa khususnya penggunaan ujaran implisit dalam ucapan kerana pelbagai mesej turut disampaikan secara implisit. Malah ujaran implisit dalam ucapan Tunku ini menarik untuk dikaji kerana ujaran implisit dikatakan dapat membawa makna dengan lebih mendalam. Oleh itu, kajian dilakukan secara terperinci dengan mengenal pasti unsur-unsur implisit, menganalisis makna implisit, dan menyorot pemikiran Tunku melalui ujaran implisit tersebut. Ujaran implisit yang dikesan adalah dalam bentuk kata, frasa, ayat, dan bahasa figuratif. Kajian ini merupakan kajian korpus dengan data korpus diperoleh daripada 25 teks ucapan. Ujaran-ujaran implisit yang terdapat dalam teks ucapan dijadikan sebagai data kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data. Persampelan rawak mudah dan persampelan bertujuan digunakan bagi mendapatkan sampel teks dan data kajian. Lima sampel data bagi setiap kategori, iaitu kata, frasa, ayat, dan bahasa figuratif dipilih untuk dikaji. Penganalisisan data kajian ini dilakukan dengan berdasarkan Teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan dikemaskinikan (1995) menekankan peranan kognitif, konteks, kesan kognitif dan usaha memproses yang antara lain melibatkan penggabungan, penguatan, dan pengguguran maklumat. Hasil analisis mendapati bahawa Tunku telah menggunakan pelbagai bentuk/kategori ujaran implisit untuk menyampaikan mesej dan pemikiran. Ujaran-ujaran implisit tersebut didapati masih lagi relevan untuk diperkatakan pada masa ini khususnya dalam konteks di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut membuktikan kemampuan TR dalam penginterpretasian ujaran implisit sehingga dapat menjawab kesemua persoalan kajian yang dikemukakan.

Implicit Utterances in Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Speeches: A Relevance Theory Analysis

ABSTRACT

Many writings and researches had been done on Tunku Abdul Rahman (The First Prime Minister of Malaysia) by local and foreign writers and researchers but many of the researches were mainly focussing on his fights and contributions as a national leader. This study examined Tunku's work from a language perspective particularly the usage of implicit utterances in his speeches because there were various hidden messages delivered in Tunku's speeches. And these implicit elements in his speeches are interesting because implicit utterances are said to bring deeper meanings. So, implicit elements in the texts were identified and analysed to reveal the intended meanings. Tunku's thoughts through speech detection are implicit. This study found that the implicit utterances were embedded in the forms of words, phrases, sentences and figurative languages. This research is a corpus data study. The data was taken from 25 speech texts. This study utilized the literature study research method and data analysis. A simple random sampling and purposive sampling were also used to obtain text and data samples . Five samples from each category of words, phrases, sentences, and figurative languages were chosen and then analysed based on Relevance Theory. Relevance Theory founded by Sperber and Wilson in 1986 and further refined in 1995 stresses the role of cognitive, contexts, cognitive effects and processing efforts that comprised addition, strengthening, and elimination in determining the intended meanings by the speaker. It was found that Tunku had used implicit utterances in the forms of words, phrases, sentences and figurative languages to convey his intended messages. Through implicit utterances, Tunku's thought are revealed. These implicit utterances are still relevant in our current time especially in the context of Malaysia. This study has successfully demonstrated that Relevance Theory is capable of interpreting utterances that are implicitly conveyed in Tunku's speeches.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xii
SENARAI GRAF		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB 1	**PENDAHULUAN**	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
	1.3.1 Permasalahan dari Perspektif Politik	5
	1.3.2 Permasalahan dari Perspektif Komunikasi	5
	1.3.3 Permasalahan dari Perspektif Bahasa dan Linguistik	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	12
	1.7.1 Keimplisitan	12
	1.7.2 Ujaran	13
	1.7.3 Ucapan	14
1.8	Kerangka Teori Pilihan: Teori Relevans (TR)	15
	1.8.1 Gagasan Utama TR (Konteks, Kesan Kognitif, Usaha Memproses)	21
	1.8.2 Subgagasan TR (Penggabungan, Penguatan, Pengguguran)	27
	1.8.3 Konsep Tambahan TR (Pengayaan, Pemilihan Rujukan, Penyahtaksaan)	29

	1.8.4 Rangka Rujuk Silang (RRS)	33
1.9	Kesimpulan	34
BAB 2	**TINJAUAN KAJIAN LEPAS**	36
2.1	Pengenalan	36
2.2	Kajian Lepas tentang Ujaran Implisit	36
	2.2.1 Kajian tentang Ujaran Implisit di dalam Negara	37
	2.2.2 Kajian tentang Ujaran Implisit di luar Negara	43
2.3	Kajian Lepas tentang Ucapan Politik	46
	2.3.1 Kajian tentang Ucapan Politik di dalam Negara	46
	2.3.2 Kajian tentang Ucapan Politik di luar Negara	53
2.4	Kajian Lepas tentang Pengaplikasian TR	55
	2.4.1 Kajian tentang Pengaplikasian TR di dalam Negara	56
	2.4.2 Kajian tentang Pengaplikasian TR di luar Negara	72
2.5	Kajian Lepas tentang Pemikiran Pemimpin Politik Malaysia	79
2.6	Kajian Lepas terhadap Tunku Abdul Rahman	82
2.7	Analisis Alternatif dan Kritis	85
2.8	Kesimpulan	86
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**	87
3.1	Pengenalan	87
3.2	Metodologi kajian	88
3.3	Reka Bentuk Kajian	89
	3.3.1 Kajian Korpus	89
	3.3.2 Pendekatan Kualitatif	92
	3.3.3 Kaedah Kepustakaan	94
	3.3.4 Pertimbangan Etika	95
3.4	Ruang Lingkup Kajian	97
	3.4.1 Kewajaran Pemilihan Teori Relevans	98
	3.4.2 Kewajaran Pemilihan Data Korpus-Teks Ucapan	102
	3.4.3 Kewajaran Pemilihan Unsur Implisit (Kata, Frasa, dan Ayat)	104

3.4.4 Kewajaran Pemilihan Bahasa Figuratif 107
3.4.5 Kewajaran Pemilihan Ucapan Tunku Abdul Rahman 109

3.5 Penyaringan & Penganalisisan Data 111

3.5.1 Tatacara Pemilihan Sampel 111

3.5.1.1 Pemilihan Teks Ucapan Tunku 112
3.5.1.2 Pemilihan Kata, Frasa, Ayat, dan Bahasa Figuratif 115

3.5.2 Prosedur Penganalisisan Data Kualitatif 120

3.6 Kesimpulan 126

BAB 4 ANALISIS TR TERHADAP MAKNA UCAPAN 127

4.1 Pengenalan 127

4.2 Analisis TR terhadap Unsur Implisit dalam Ucapan 128

4.2.1 Analisis TR terhadap Kata 128

4.2.1.1 Berdiri 128

4.2.1.2 Sombong 135

4.2.1.3 Khadam 139

4.2.1.4 Racun 147

4.2.1.5 Beku 153

4.2.2 Analisis TR terhadap Frasa 159

4.2.2.1 …duduk sebelah-menyebelah 160

4.2.2.2 …ribut taufan 165

4.2.2.3 …satu pasar yang besar 174

4.2.2.4 …tidak bimbangkan telinga-telinga yang tidak digemari itu mendengarnya 179

4.2.2.5 …Dihinggapi penyakit 185

4.2.3 Analisis TR terhadap Ayat 191

4.2.3.1 Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang berat ini. 192

4.2.3.2 Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita? 201

4.2.3.3 Banyak orang-orang Melayu sekarang ini yang berpeluang bekerja di dalam gudang-gudang, *office* dan perusahaan-perusahaan yang besar-besar yang dibuka dengan modal orang-orang yang bukan Melayu, dan banyaklah masjid-masjid dan sekolah-sekolah yang dibina dengan wang-wang itu. 208

4.2.3.4 Janganlah kita semua lupa bahawa tatkala Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dahulu, kejayaan itu bukan dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum sahaja. 216

4.2.3.5 Malaysia telah menjadi lampu yang menyuluh kepada negeri-negeri lain. 224

4.2.4 Analisis TR terhadap Bahasa Figuratif 230

4.2.4.1 Mahligai kemerdekaan 231

4.2.4.2 Sebagai bulan yang baru timbul 237

4.2.4.3 Mereka yang dilahirkan di dunia lain 242

4.2.4.4 Campakkan perkataan-perkataan itu ke Lautan India 249

4.2.4.5 Utusan merupakan lidah orang-orang Melayu 256

4.3 Pemikiran Tunku di Sebalik Ujaran Implisit 261

4.3.1 Pemikiran Sosiopolitik 265

4.3.2 Pemikiran Sosioekonomi 273

4.3.3 Pemikiran Sosiobudaya 274

4.4 Kesimpulan 285

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN, PENUTUP 286

5.1 Pengenalan 286

5.2	Rumusan	286
5.3	Dapatan Baharu	289
5.4	Sumbangan Kajian	290
5.5	Saranan bagi Kajian Masa Depan	293
5.6	Kesimpulan	295

RUJUKAN 296

LAMPIRAN

A : Sinopsis Teks Ucapan dan Sampel Data (A1-A9) 311

B : Rentetan Peristiwa Penting Sepanjang Tempoh Penglibatan Tunku Abdul Rahman dalam Politik di Tanah Melayu/Malaysia 329

C: Populasi Sampel Ujaran Implisit Dalam Korpus Data(25 Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman) 330

D: 25 Sampel Teks Ucapan Berdasarkan Urutan Tarikh 337

E: Senarai Penerbitan 339

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Pemilihan Teks Ucapan Tunku Berdasarkan Urutan Tarikh	115
3.2	Kekerapan dan Peratusan Ujaran Implisit Yang Dikesan	116
3.3	Penentuan Jumlah Sampel Unsur Implisit Mengikut Kategori	117
3.4	Kategori Data-Kata	118
3.5	Kategori Data-Frasa	118
3.6	Kategori Data-Ayat	119
3.7	Kategori Data- Bahasa Figuratif	120
4.1	Pemikiran Sosiopolitik di Sebalik Ujaran Implisit	265
4.2	Pemikiran Sosioekonomi di Sebalik Ujaran Implisit	273
4.3	Pemikiran Sosiobudaya di Sebalik Ujaran Implisit	275

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Penambahan Kajian Ini kepada Kajian Lepas	8
1.2	Penyu “Ratah” Bujang Senang	31
2.1	*William Hague is Margaret Thatcher*	76
3.1	Proses Penginterpretasian Makna Implisit Berdasarkan Analisis Teori Relevans	124

SENARAI GRAF

No. Graf		Halaman
1.1	Hubungan antara Kesan Kognitif dengan Usaha Memproses Maklumat dengan Berdasarkan TR	18
1.2	Hubungan antara Usaha Memproses dengan Kerelevanan Ujaran Mengikut TR	19

SENARAI SINGKATAN

MCA	-	*Malaysian Chinese Association* (Persatuan Cina Malaysia)
MIC	-	*Malaysian Indian Congress* (Kongres India Malaysia)
PAP	-	*People's Action Party* (Parti Tindakan Rakyat, di Singapura)
PAS	-	Parti Islam Se-Malaysia
UMNO	-	*United Malays National Organisation* (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
Y.T.M	-	Yang Teramat Mulia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengucapan awam dapat dikatakan sebagai kerja rutin kepada seseorang pemimpin politik. Melalui pengucapan awam ini, pemimpin politik berkenaan dapat menyalurkan mesej, maklumat, pendapat, ilmu dan pemikiran kepada rakyat. Ucapan mereka selalunya berlangsung secara sehala dan tidak berpeluang mendapatkan maklum balas daripada pendengar tentang apa-apa yang disampaikan pada masa itu juga. Oleh hal demikian, penutur haruslah sedaya upaya menggunakan cara penyampaian yang difikirkannya paling berkesan bagi memastikan ucapannya difahami. Selain kesesuaian isi ucapan dengan majlis yang diadakan, aspek yang amat ditekankan ialah penggunaan bahasa.

Penggunaan bahasa yang mudah dan selaras dengan tahap pengetahuan khalayak dalam sesuatu ucapan dapat mempengaruhi keberkesanan penyampaian mesej. Keberkesanan yang dimaksudkan di sini ialah mesej yang ingin disampaikan benar-benar dapat difahami oleh pendengar. Walau bagaimanapun, ujaran yang diungkapkan tidak semestinya berlaku dalam bentuk eksplisit, sebaliknya ujaran implisit turut digunakan. Penggunaan ujaran implisit pula akan lebih sukar difahami oleh pendengar. Oleh itu, penutur haruslah mengambil kira segala aspek penting dalam komunikasi seperti konteks persekitaran, pengalaman lepas pendengar terhadap sesuatu perkara yang disampaikan. Di samping itu pemilihan dan penggunaan kata yang sesuai dalam menyampaikan maklumat juga amatlah penting kerana penggabungan setiap perkataan akan menghasilkan sesuatu ujaran. Pendengar pula harus meneliti makna implisit selain yang tersurat apabila mentafsirkan sesuatu ujaran yang ditujukan kepada mereka. Hal ini penting terutamanya apabila makna tersurat tidak dapat mengungkapkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur kerana pentafsiran makna secara semantik hanya mengambil kira faktor-faktor linguistik. Sebagai tambahan, pendekatan pragmatik dengan TR mampu mencapai maksud yang ingin disampaikan oleh penutur.

Oleh hal demikian, satu kajian terhadap ujaran implisit dalam ucapan tokoh politik dilakukan dengan lebih menyeluruh dan terperinci melalui pendekatan yang lebih empiris, praktis dan mengambil kira konteks. Kajian ini meneliti ujaran implisit dalam pelbagai kategori, iaitu kata, frasa, ayat dan bahasa figuratif. Ujaran-ujaran implisit ini akan dikupas maknanya berdasarkan TR. Melalui makna sebenar yang diperoleh, pemikiran tokoh politik tersebut dapat dicungkil dengan memperlihatkan pelbagai persoalan yang berkaitan dengan sosiopolitik, sosioekonomi, dan sosiobudaya di sebalik ujaran implisit yang dikaji.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengalaman mendengar ucapan daripada pemimpin politik bukanlah sesuatu pengalaman yang asing bagi rakyat mana-mana negara. Di Malaysia, setiap hari kita disajikan dengan ucapan daripada pelbagai pihak sama ada ucapan tersebut disampaikan di hadapan pendengar tersebut atau melalui media perantaraan, seperti media elektronik, iaitu televisyen, radio atau melalui internet. Pada kebiasaannya, ucapan yang disampaikan ini ditujukan kepada sekelompok pendengar. Oleh sebab itu, berucap di hadapan khalayak ini disebut sebagai pengucapan awam. Pernyataan ini berdasarkan pendapat Barrow (1992); Labiak (t.t); Miller (2002:5) bahawa pengucapan awam melibatkan sekumpulan orang atau audiens. Pengucapan awam ini berlaku kepada sesiapa sahaja kerana menurut Abdul Mua'ti (2010:1), mereka yang diminta berucap terdiri daripada seorang pegawai kerajaan, pegawai eksekutif di sektor swasta, ahli politik, jurujual, pekerja sukarela, pendakwah, pemimpin ataupun ahli sebuah pertubuhan bukan kerajaan.

Kajian ini berpendapat bahawa antara orang yang kerap melakukan pengucapan awam ialah golongan pemimpin sama ada pemimpin sesebuah organisasi ataupun pemimpin politik. Bagi pemimpin politik, pengucapan awam ini amatlah penting. Kepentingannya dapat digambarkan oleh Mahathir Mohamad (2005:viii) bahawa "bagi pemimpin, apa-apa sahaja peristiwa yang memerlukan ucapan daripada pihaknya, bukanlah semata-mata peristiwa sosial tetapi juga merupakan pentas bagi dia mengemukakan dasar pemikiran yang kemudiannya menjadi dasar kebangsaan atau dasar negara".

Bagi memastikan pemikiran dan dasar negara yang diilhamkan oleh pemimpin politik tersebut menjadi kenyataan, kajian ini berpendapat bahawa pemimpin tersebut perlu menyalurkannya kepada rakyat. Oleh sebab itu, menurut Abdul Mua'ti (2005), ucapan politik

berkait rapat dengan usaha untuk mempengaruhi pendengar supaya melakukan perubahan sikap, kepercayaan dan tindakan atau perlakuan seperti yang diharapkan oleh pengucap. Kajian ini berpendapat bahawa pernyataan Abdul Mua'ti (2005) tentang ucapan politik tersebut sesuai dikaitkan dengan konteks kajian ini sebagai ucapan politik kerana teks-teks ucapan yang dikaji berkaitan dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman (Tunku). Ucapan-ucapan Tunku ditujukan kepada rakyat di Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam suasana politik sekitar tahun 1951-1971, iaitu pada zaman Tunku melibatkan diri secara langsung dalam UMNO (dengan ucapan julung kali Tunku sebagai Yang Dipertua UMNO pada 26 Ogos 1951) sehinggalah Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Presiden UMNO (Ucapan terakhir Tunku sebagai Presiden UMNO pada 23 Januari 1971).

Selaras dengan pernyataan Mahathir Mohamad (2005) sebelum ini bahawa "dasar pemikiran yang disampaikan oleh pemimpin melalui ucapan akan menjadi dasar kebangsaan atau dasar negara", kajian ini berpendapat bahawa sudah tentu banyak mesej penting yang ingin disampaikan oleh Tunku dalam ucapan yang disampaikan. Selain ujaran tersurat, Tunku sudah tentu menyelitkan unsur-unsur tersirat dalam ucapannya bagi mencapai tujuan tertentu di samping bertujuan untuk tidak menyinggung perasaan pihak-pihak tertentu terutamanya berkaitan dengan isu-isu yang mempunyai sensitiviti. Apabila melibatkan ujaran implisit, pendengar memerlukan usaha tambahan untuk mendapatkan makna yang sebenar berbanding dengan usaha memproses maklumat bagi ujaran eksplisit. Dalam hal ini, kajian ini berpendapat bahawa pengucap haruslah bertanggungjawab memastikan mesej yang disampaikan dapat difahami oleh pendengar. Mesej yang disampaikan hanya dapat difahami oleh pendengar sekiranya ujaran tersebut bermanifestasi. Jika tidak, sia-sialah ucapan tersebut. Hal ini selaras dengan pernyataan Nor Hashimah Jalaluddin (2007a:46) bahawa ujaran bermanifestasi, iaitu andaian daripada ujaran itu mudah dikesan dan disertakan banyak bukti yang berkaitan. Ujaran yang bermanifestasi inilah yang akan meninggalkan kesan kognitif yang banyak. Kesannya, pendengar tidak perlu bekerja keras untuk memproses maklumat tersebut. Jika kurang usaha memproses, maka maklumat tersebut dikatakan mempunyai kerelevanan yang tinggi. Menurut Xu & Zhou (2013), TR telah menggariskan empat ciri tentang komunikasi yang berjaya, iaitu (i) menarik perhatian; (ii) menampakkan penutur ingin menyampaikan mesej yang menarik minat pendengar/pembaca; (iii) pendengar/pembaca mengetahui niat penutur dan menganggap berbaloi apabila berusaha

memahaminya; dan (iv) mesej yang diterima hampir sama dengan apa yang difikirkan oleh penutur.

Meskipun pemahaman terhadap makna sebenar di sebalik ujaran implisit memerlukan usaha memproses tambahan, Tunku tetap bermain dengan kata-katanya dengan menyelitkan bentuk ujaran implisit dalam ucapan. Bentuk-bentuk implisit yang digunakan oleh Tunku bukan sahaja dalam bentuk kata, frasa, dan ayat, malah pelbagai jenis bahasa figuratif turut digunakan. Jika berdasarkan prinsip relevans, sudah tentu penggunaan ujaran implisit ini melanggar prinsip yang ditekankan dalam teori relevans (TR). Walau bagaimanapun, pendengar didapati tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan makna yang sebenar yang ingin disampaikan oleh Tunku. Melalui ujaran implisit, Tunku mengemukakan pemikirannya melalui pelbagai persoalan yang ditimbulkan khususnya yang berkaitan dengan suasana di Tanah Melayu pada masa itu. Pemikiran Tunku ini dapat diketahui apabila ujaran implisit berjaya dikupas maknanya melalui TR. Oleh itu, dalam usaha memahami aspek-aspek yang berkaitan dengan Tunku, kajian terhadap bahasa yang digunakan Tunku adalah penting untuk dilakukan. Menyedari hakikat ini, Zuraidi Ishak (2013) telah melakukan kajian terhadap Tunku dari perspektif bahasa. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa kajian Zuraidi Ishak (2013) ini telah dapat memperlihatkan tujuan ucapan politik yang dikatakan oleh Abdul Mua'ti (2005) sebelum ini, iaitu mempengaruhi khalayak. Hal ini kerana kajian Zuraidi Ishak (2013) memperlihatkan pelbagai usaha dan strategi yang dilakukan oleh Tunku bersama dengan pemimpin Parti Perikatan yang lain, iaitu Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan dalam usaha membina gambaran retorik yang berkaitan dengan isu-isu perpaduan dan kemerdekaan Tanah Melayu. Sekurang-kurangnya, kajian yang dilakukan oleh Zuraidi Ishak ini memberikan gambaran awal bahawa kajian terhadap pemimpin politik ini juga perlu dilakukan melalui bahasa. Walau bagaimanapun, kajian terhadap Tunku dari perspektif bahasa amat terhad bilangannya.

Oleh hal demikian, kajian terhadap Tunku dari perspektif bahasa khususnya dari aspek penggunaan ujaran implisit ini dapat dianggap sebagai percubaan mewujudkan kajian rintis terhadap teks ucapan pemimpin politik di samping sebagai penambahan kepada kajian pragmatik sebelum ini. Kajian ini dilakukan untuk melihat makna sebenar daripada ujaran implisit yang digunakan oleh Tunku. Ujaran implisit yang diberikan fokus dalam kajian ini ialah bentuk kata, frasa, ayat, dan bahasa figuratif. Ujaran-ujaran implisit ini akan dianalisis

dengan TR secara terperinci bagi mendapatkan makna yang sebenar. Melaluinya, pemikiran Tunku akan cuba diteroka.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan kajian yang dikemukakan ini berdasarkan beberapa perspektif, iaitu politik, komunikasi, serta bahasa dan linguistik bagi memudahkan rentetan masalah dikenal pasti.

1.3.1 Permasalahan dari Perspektif Politik

Permasalahan dari aspek politik dikemukakan kerana data yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada seorang tokoh politik tanah air yang terkenal, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Dari segi politik khususnya dalam buku-buku yang berkaitan dengan Tunku. Nama Tunku tidak asing lagi disebut kerana sumbangan besar diberikan oleh Tunku selama ini. Buku-buku yang menulis sejarah penglibatan Tunku dalam politik negara juga banyak dihasilkan. Jika diteliti, rata-ratanya perbincangan dilakukan dengan mengaitkan penulisan dengan biodata diri Tunku. Sebagai contoh, Ishak Saat (2007); Khairul Azmi Mohamad dan AF Yassin (2000); Ramlah Adam (2004); dan Sheppard (2007) menulis sejarah kehidupan Tunku bermula dari alam persekolahan awal sehinggalah Tunku bersara daripada jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia dan sumbangan Tunku dalam politik tanah air. Bagi Faridah Jaafar (2007); Nor Azizan Idris (1990) pula, penulisan mereka lebih berkaitan dengan peranan dan pengaruh Tunku dalam Dasar Luar Negara. Bertitik tolak daripada penulisan mereka tentang Tunku, kajian ini pula berpendapat bahawa menjadi satu keperluan untuk mengkaji Tunku berkaitan dengan teks ucapan memandangkan Tunku sebagai ahli politik yang sentiasa berdepan dengan rakyat, sudah tentu banyak mesej disampaikan melalui ucapan yang telah dihasilkan.

1.3.2 Permasalahan dari Perspektif Komunikasi

Permasalahan dari aspek komunikasi dikemukakan kerana bidang kajian ini melibatkan pengucapan awam. Data kajian pula daripada teks ucapan. Dari perspektif komunikasi ini, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kajian telah dilakukan dengan memberikan tumpuan kepada teks ucapan pemimpin politik. Dengan ini, dikemukakan kajian-kajian teks ucapan pemimpin politik yang dapat dikesan:

Analisis teks ucapan terhadap tokoh politik telah dilakukan oleh beberapa pengkaji. Idris Aman (2011); Rohaidah Haron (2012) melakukan kajian teks ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia Keenam). Idris Aman (2003); Lee Ai Chat (2001) pula mengkaji teks ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia Keempat). Norazlina Mohd Kiram (2002) memberikan tumpuan kepada teks ucapan Belanjawan Negara yang disampaikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim (Menteri Kewangan Malaysia, 1998). Radiman Junaidi & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013); Wong Shin Shin (2007) mengkaji teks ucapan Dato' Seri Abdullah Badawi (Perdana Menteri Malaysia Kelima). Kajian terhadap teks ucapan Tunku Abdul Rahman pula dilakukan oleh Zuraidi Ishak (2013). Dalam kajian tersebut, teks ucapan tiga pemimpin utama Parti Perikatan iaitu Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, dan V.T Sambanthan diteliti dari segi penggunaan bahasa retorik.

Daripada kajian-kajian yang diteliti, didapati bahawa kajian sebelum ini tertumpu kepada kajian retorik, lakuan tuturan, dan bahasa kiasan. Sebahagian besar kajian juga menggunakan analisis wacana kritis. Begitu juga melalui kajian luar yang diteliti, seperti kajian Bayram (2010) terhadap teks ucapan Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan, dan kajian Alo (2012) terhadap ucapan beberapa pemimpin utama Afrika, penganalisisan data kajian masih tertumpu pada pendekatan analisis wacana.

Berbalik kepada kajian terhadap teks ucapan Tunku, didapati juga bahawa kajian secara khusus terhadap teks ucapan Tunku Abdul Rahman masih kurang dilakukan. Begitu juga pengaplikasian TR terhadap teks ucapan pemimpin politik sukar untuk dikesan. Oleh itu, kajian ini ingin menerokainya dengan menumpukan perhatian tentang penggunaan ujaran implisit dalam ucapan. Hal ini kerana dalam ujaran, selain ujaran eksplisit yang mudah difahami, ujaran implisit juga harus diberi perhatian kerana ada kalanya ujaran implisit ini dapat menyampaikan makna dengan lebih berkesan.

1.3.3 Permasalahan dari Perspektif Bahasa dan Linguistik

Permasalahan dari prespektif bahasa dan linguistik dikemukakan kerana kajian ini merupakan satu kajian bahasa, yakni melibatkan satu teori bahasa, iaitu Teori Relevans (TR). Kajian ini mendapati bahawa dalam ucapan, ujaran yang dikemukakan bukanlah sekadar ujaran

eksplisit, tetapi juga ujaran secara implisit. Oleh sebab itu, pendengar atau pembaca tidak boleh mengabaikan makna di sebalik sesuatu ujaran tersebut. Hal ini kerana mesej yang ingin disampaikan ada kalanya hanya dapat diperoleh melalui pentafsiran ujaran implisit yang dikemukakan. Sebab itu, kajian ini berusaha untuk melakukan penambahbaikan terhadap kajian-kajian berkenaan teks ucapan khususnya yang berkaitan dengan penggunaan ujaran implisit. Ujaran implisit yang dimaksudkan sudah tentulah termasuk bahasa kiasan yang sememangnya mengandungi makna implisit. Data-data kajian dianalisis dengan TR yang telah mampu membuktikan kewibawaannya dalam mencungkil makna tersirat sebagaimana kajian telah dilakukan oleh Fatimah Subet (2010; 2012; 2014); Hasmidar Hassan (2006; 2007; 2009; 2011); Maslida Yusof (1999; 2000); Muhammad Fauzi Jumingan (2002; 2003; 2004); Nor Hashimah Jalaluddin (1990; 1991; 1992a, 1992b; 1992c; 1993; 2003; 2004; 2007a; 2007b; 2012; 2014); Zaitul Azma Zainon Hamzah (2003; 2004; 2005; 2006; 2007); dan lain-lain. Begitu juga kajian luar yang dilakukan oleh Jin & Wang (2012); Li (2008); Mbatia (2012); Carston (2002); Sanz (2013); dan Wilson & Carston (2006).

Kajian pragmatik merupakan satu bidang kajian bahasa yang baharu di Malaysia khususnya pengaplikasian dengan TR. TR telah diperkenalkan pada tahun 1986 oleh Sperber & Wilson, dan diperkemas pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, sehingga kini, kajian pragmatik yang menggunakan TR masih sedikit berbanding dengan kajian pemerolehan bahasa, morfologi dan sintaksis. Jika adapun kajian yang melibatkan penginterpretasian makna, kajian tersebut banyak tertumpu pada analisis wacana teks bertulis. Kajian seumpama ini pula lebih banyak dibuat oleh pengkaji semantik. Kajian pragmatik tentang makna implisit daripada sesuatu ujaran dalam pertuturan dan perbualan pula sukar diperoleh khususnya kajian yang menggunakan TR. Kajian yang melibatkan pengaplikasian TR di negara kita dipelopori oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1990; 1991; 1992a, 1992b; 1992c; 1993; 2003; 2004; 2007a; 2007b; 2012; 2014), kemudian muncul pengkaji lain seperti Fatimah Subet (2010; 2012; 2014); Ghani Ismail (2005); Hasmidar Hassan (2006; 2007; 2009); Maslida Yusof (1999; 2000; 2007); Muhammad Fauzi Jumingan (2002; 2003; 2004); Zaitul Azma Zainon Hamzah (2003; 2004; 2005; 2006; 2007) dan lain-lain. Jika diteliti, bahan kajian mereka meliputi puisi tradisional, puisi moden (sajak), prosa tradisional, tatabahasa, dan bahasa lisan. Sebaliknya, pengaplikasian TR terhadap teks ucapan masih kurang. Apabila pengkajian ujaran implisit terhadap teks ucapan masih kurang, hal ini bermakna bahawa kajian untuk melihat pemikiran orang yang menyampaikan ucapan dengan ujaran implisit juga kurang sedangkan Nor Hashimah Jalaluddin (1990:452) menyatakan bahawa pragmatik